

**Dapatkan Soalan SPM:
Sains & English »23-26**




**Lot 41: Bank Negara
terlebih bayar »4**



**'Kereta berpusing
sebelum ayah
terpelanting' »12**

Muhammad Afiq Muhammad Anas, 8, menceritakan detik cemas sewaktu nañas jalan raya yang meragut nyawa kedua ibu bapanya sekali gus menyebabkan dia dan adiknya, Nur Alya Adriana, 6, menjadi yatim piatu.



PEMIKIRAN BAHARU Utusan Malaysia

'Orang kaya' sewa PPR

- 1,108 unit rumah dirampas
- Nafi hak golongan lebih layak

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@medianulia.com.my

PUTRAJAYA: Sebanyak 1,108 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Wilayah Persekutuan dirampas daripada pemiliknya yang kebanyakannya golongan 'orang kaya' yang menyalahi syarat menyewa premis, sekali gus menafikan hak golongan yang lebih layak mendapatinya.

Kebanyakan pemilik terbatit memiliki kediaman sendiri dan tidak menduduki rumah PPR berkenaan, sebaliknya menyewakan premis tersebut kepada orang lain manakala ada yang membuka rumah berkenaan kosong atau menjadikannya sebagai rumah persinggahan.

Kesalahan itu meliputi 949 kes daripada sejumlah 1,108 unit PPR dan Perumahan Awam

(PA) yang dirampas sepanjang tiga tahun sejak 2019 hingga Jun tahun ini kerana didapati menyalahi syarat menyewa di perumahan tersebut melalui 11 kategori kesalahan.

Ia membuktikan ada penyewa dalam golongan berduft kerana sudah mempunyai rumah lain tetapi memperoleh rumah sewa, PPR sekali gus menafikan hak mereka yang lebih memerlukan untuk mendapatkan tempat tinggal pada kadar lebih murah terutama di Kuala Lumpur.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shahidan Cassim berkata, unit-unit rumah yang dirampas itu meliputi pelbagai kesalahan iaitu 589 kes pada tahun 2019, 322 kes (2020) dan 197 kes setakat Jun tahun ini.

Bersambung di muka 2



Lengang

RUANG menunggu di pekarangan Balai Polis Marang, Terengganu lengang, semalam berbanding kesesakan luar biasa minggu lalu selepas Polis Diraja Malaysia (PDRM) melanjutkan tempoh menjelaskan bayaran saman trafik sehingga 31 Disember ini. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY

TEKUN NASIONAL | AGROBANK | BANK SIMPANAN NASIONAL

SKIM KREDIT MIKRO

Peruntukan berjumlah
RM1.8 bilion



BAJET
2022

- Kadar pinjaman dari 0%
- Saiz: Sehingga RM75,000
- Tempoh: Sehingga 5 tahun
- Moratorium: Sehingga 12 bulan

Untuk maklumat lanjut, layari portal Manfaat di <https://budget.mof.gov.my/manfaat/>

'Orang kaya' sewa PPR

Dari muka 1

Beliau berkata, bagi kesalahan penghuni tidak menetap di rumah tersebut, ada antara penyewa membiarkan ia kosong, terbiar atau menjadikan rumah sebagai singgahan sahaja terutama jika kes ibu bapa sudah meninggal dunia atau sakit dan dijaga oleh anak-anak di rumah lain.

"Kesalahan berkenaan melibatkan 508 kes pada 2019, 291 kes (2020) dan 150 kes pada 2021.

"Antara kesalahan lain adalah penghuni tidak sah, sebagai contoh nama penghuni tidak ada dalam kad penghunian seperti kes sewa atas sewa, sewa sebahagian bilik selain memberikan adik beradik atau saudara-mara tinggal di rumah itu yang mana sebanyak 54 kes dikesan pada 2019, 12 kes (2020) dan 13 kes (2021).

"Terdapat juga kegiatan yang menjadikan rumah PPR itu sebagai lokasi kegiatan dadah dengan 13 kes dikesan pada tahun 2019, empat kes (2020) dan tiga kes (2021)," katanya di sini.

Shahidan berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut mendapati ada pemilik yang menyewakan rumah PPR itu kepada warga asing, melibatkan lapan kes sepanjang tiga tahun ini, manakala 31 kes unit kedai yang tidak beroperasi, tidak aktif atau menyewakan kepada pihak ketiga selain 15 kes lain-lain kesalahan seperti halangan, kacau ganggu dan sambung tempoh.

Melalui perbuatan seumpama itu, Shahidan menegaskan, ia seperti merampas hak mereka



RUMAH PPR sepertutnya dihuni mereka yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

yang lebih memerlukan yang mana pada masa ini terdapat 10,214 sedang dalam senarai menunggu untuk mendapatkan kediaman tersebut dalam tempoh tiga tahun ini.

Kata beliau, hanya 252 permohonan ditawarkan unit rumah berbanding 10,466 jumlah permohonan layak yang diterima sejak 2019 kerana kekosongan unit yang terhad.

Shahidan berkata, kerajaan menyediakan sejumlah 63 kawasan perumahan melibatkan 31 PA dan 32 PPR di seluruh Kuala Lumpur meliputi 41,868 unit sewa secara keseluruhan dengan

kadar bulanan serendah RM94 (PA) dan RM124 (PPR).

Beliau memberitahu, jumlah keseluruhan unit PA atau PPR adalah sebanyak 61,618 yang mana 19,750 unit dimiliki oleh pemilik (telah dibeli).

Jelas beliau, mereka yang memohon perlu memenuhi syarat-syarat minimum seperti suami dan isteri adalah warganegara Malaysia, sudah berkahwin serta pendapatan terkumpul suami atau isteri hendaklah tidak melebihi RM3,000 untuk kos rendah manakala tidak melebihi RM4,000 untuk kos sederhana.

The Sun 14.12.2021 (Selasa)
pg: 5

Crowds expected in Labuan during holidays

LABUAN: Labuan Airport and ferry terminals are about to be swamped during the upcoming Christmas and year-end school holidays.

Thousands of local travellers are expected to travel from Labuan to Menumbok, Kota Kinabalu, Sarawak and Peninsular Malaysia during this holiday season, a noticeable change from previous "pandemic" years.

Labuan has two ferry terminals to the Sabah mainland, with four ferries operating – Kimanis 1, Goodwill Star, Putrajaya 1 and Galaxy – to carry vehicles and passengers daily.

Another location is Labuan International Ferry Terminal, to carry passengers directly to Jesselton Point Terminal in Kota Kinabalu (only one trip during weekends) to Menumbok (nine trips) and Sipitang (two trips) in Sabah, and to Lawas (one trip) and Limbang (one trip) in Sarawak.

As the majority of people travelling to the Sabah mainland are doing so by vehicle (via ro-ro ferry), a surge in road trips is expected along the Menumbok to Kota Kinabalu road this coming holiday.

Nevertheless, Labuan Ferry Terminal ticketing agent company Labuan Point Enterprise Sdn Bhd manager Robert Ling Song Thieng said they were bracing for a surge of travellers ahead of the holidays.

"We are ready... we will be able to handle the increase in passenger volumes that we are anticipating," he told Bernama yesterday.

Ling said since Nov 1, the ro-ro ferry service had been operating a normal schedule or having six trips (Labuan-Menumbok-Labuan) daily, and the trips were approved by the Labuan Marine Department.

"The rising Covid-19 vaccination rates have made people more confident about travel, leading to a surge in bookings," he said.

In fact, he said ferry tickets from Labuan to Menumbok for trips until Dec 31 had been sold out online, but travellers may still try their luck at the ticketing counter.